

Komited kurangkan kematian kanak-kanak



Kamarudin (dua kin) mendengar penerangan daripada kakitangan MIROS mengenai gambar di galeri gambar pada program penutup Minggu Keselamatan Kenderaan 2019. FOTO Khairunisah Lokman

Nur Saliawati Salberi

nursaliawati@hmetro.com.my

SEJUMLAH 1,559 kematian disebabkan kemalangan direkod membabitkan kanak-kanak berusia bawah 10 tahun antara 2017 sehingga 2017.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Kamarudin Jaffar berkata, berdasarkan statistik itu, kementerian memandang serius terutama berusaha menyelamatkan nyawa selain mendorong kepada pelaksanaan dasar baharu Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya menyokong penuh usaha kerajaan mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di Malaysia menjelang tahun depan.

"Pada 2017 saja 66 kematian direkodkan bagi kanak-kanak berusia 0 hingga 10 tahun manakala 449 pelbagai kecederaan dilaporkan.

"Kematian kanak-kanak menyumbang 13.45 peratus di antara semua kematian di jalan raya di seluruh negara untuk tempoh sama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program penutup Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 di Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Tiang Dua, Melaka hari ini.

Kamarudin berkata, walaupun angka kematian menunjukkan penurunan pada setiap hari namun kementerian berusaha merekodkan perbezaan angka pada skala yang besar.

“Walaupun kadar kemalangan menyebabkan kematian menurun dari tahun ke tahun tetapi ia (angka) kecil.

“Statistik menunjukkan penurunan 20 ke 18 kematian sehari, ia penurunan yang baik tetapi pastinya jumlah itu boleh diperbaiki lagi kerana Kementerian Pengangkutan ingin kurangkan dalam angka besar,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai pelaksanaan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak, pihaknya turut bekerjasama dengan beberapa pihak termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam memastikan kerusi yang dipasarkan mengikut piawaian.

“Kita bersama beberapa agensi bekerjasama supaya kerusi yang dipasarkan itu bertepatan dengan piawaian ditetapkan bagi memastikan dapat berfungsi untuk menyelamatkan,” katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 26 Oktober 2019 @ 11:10 PM

